

Zaidi 'Sang Harimau berantai'

Oleh
RAHIME YUSOFF

- 5 DEC 1990

B. Harian (M)



■ RASAKAN...Juara dunia '90, Ruzaidi Abdul Rahman, melepaskan tendangan mengiring kepada pesilat Brunei, Rosli Haji Simon yang menyebabkan lawannya hilang arah untuk memperkemaskan pertahanannya bagi menangkis setiap serangan kilat semalam. Gambar BH oleh SHIRAZ YASMIN

DUA juara dunia '90, Ruzaidi Abdul Rahman dan Khairi Abdul Rahman, melengkapkan 14 cabaran negara ke perlawanan akhir Kejuaraan Silat Terbuka Malaysia di Stadium Negara, malam tadi.

Turut mara ke perlawanan akhir Jumaat ini ialah enam pesilat Indonesia, Thailand, Brunei dan Singapura masing-masing diwa-

kili dua pesilat, manakala Jerman, Austria dan Belgium menembah satu tiket.

Ruzaidi atau lebih dikenali dengan panggilan 'Zaidi' bertindak bagai harimau lapar tidak membiarkan pesilat Brunei, Rosli Haji Simon, menguasai gelanggang sejak awal lagi. Ketangkasan Ruzaidi (Kelas F) melepaskan tendangan padu kaki kiri dan kanan

yang disudahi dengan tumbukan tepat ke dada lawan sekadar menyaksikan pertarungan berat sebelah.

Walaupun Rosli berusaha memberi sedikit tentang pada pusingan ketiga, Ruzaidi menggunakan kelebihan daripada ketinggiannya bagi membuat satu jatuh.

Sikap berhati-hati Khairi (Kelas C) pula hampir membawa padah apabila pesilat Thailand, Natapong menguasai hampir keseluruhan pusingan pertama.

Tetapi, menyedari hakikat itu, Khairi bangkit pada babak ketiga tanpa memberi ruang kepada lawan bertindak sehebat dua pusingan awal.

- 5 DEC 1990

Sebaliknya, kegopohan Wan Adnah Isa (E) hampir menjadi mangsa kepada pesilat Austria, Fasching Hans, yang berjaya membuat dua jatuh pada pusingan ketiga selepas berjaya mengesan kelemahannya.

Wan Adnan terlalu rakus menyerang selepas dua pusingan awal yang berpihak kepada dirinya bagi mengimbangi emam mata dikutip oleh Hans hasil dua jatuh.

Pesilat tunggal Jerman, Andre Mewis, turut menampatkan diri ke akhir Kelas G apabila mengetepikan Nazri Ibrahim dari Singapura.

Mewis yang mempunyai kepakaran membuat jatuh membentuk Nazri apabila serangannya sering terhalang oleh keampanhan benteng pesilat Jerman.

Bekas juara dunia Kelas D '87, Linhart Edwards dari Austria turut membawa cabaran pesilat Eropah ke perlawanan akhir selepas menumpaskan Supin Sangampri dari Thailand.

B. Harian (M)

Linhart dari Perguruan Gayong Fatani Austria mempamerkan kesenian silat bagi menangkis seakan Sangampri yang lebih bermirip tomol siam.

Sementara itu, Mazlan Shaari menjadi 'bintang' malap apabila gagal mara ke akhir selepas dikecewakan oleh Sheik Alauddin Yaacob dari Singapura bagi Kelas I.

Mazlan bekas juara kelas G terbuka dunia '87, mengakui kecederaan ulu hati akibat tumbukan Kotzian Johann dari Belgium yang dikalahkan, kelmarin memberi kesan untuk beraksi dengan baik.

"Saya terpaksa berurut bagi memulihkan kecederaan ulu hati. Ini membuat badan saya seakan kekurangan tenaga bagi membantu negara meraih pingat. Ini kegagalan kedua saya musim ini, selepas memenangi pingat emas di Brunei, Mac lalu," kata Mazlan.

KEPUTUSAN

LELAKI: Kelas A — Basri Abdul Rahman (Mas B) mn A Bogaibah (Bru); Kelas B — Syakera (Ina) mn Rafee Yaacob (Mas B); Kelas C — Khairi Abdul Rahman (Mas A) mn Natapong (Tha), Shairuddin Noor (Mas B) mn Hidayat Hosni (Sin); Kelas D — Linhart Eduards (Aut) mn Supin Sangampri (Tha); Kelas E — Wan Adnan Isa (Mas A) mn Fasching Hans (Aut); Kelas F

— Ruzaidi Abdul Rahman (Mas A) mn Rosli Haji Simon (Bru), Minsear Ernini (Bel) mn Yazid Ariffin (Mas B); Kelas G — Andre Mewis (Jer) mn Nazri Ibrahim (Sin); Kelas F — Zakaria Hamzah (Mas A) mn Wong Eng Bu (Bru) Kelas I — Sheik Alauddin Yaacob (Sin) mn Mazlan Shaari (Mas A); Kelas Bebas — I Wayan Mudra (Ina) mn Noora Afendi (Mas B).

- 5 DEC 1990

WANITA: Kelas B — Dayangku Noralam (Bru) mn Wan Amizah Wan Ahmad (Mas B), Badariah Hosni (Sin) mn Masliza Abu Bakar (Mas A); Dayangku Nani Suryati Pangiran Hussin (Bru) mn Intan Syafinaz Mohamad (Mas B); Kelas D — Rusma Ya (Mas B) mn Haruthai Suriya (Tha); Kelas E — Arie Umasitho (Ina) mn Zaleha Suradi (Mas A). B. Harian (M)



■ AWAS KAU...Pesilat Austria, Linhart Edwards, cuba mengatur serangan terhadap Supin Sangampri dari Thailand, semalam.

Tiada soal anak tiri: Mazlan

- 5 DEC 1990

MAJLIS Sukan Negara (MSN) tidak pernah menganaktirikan pesilat kebangsaan dalam soal pembahagian skim hadiah kemenangan apabila mereka meraih kejayaan peringkat antarabangsa.

Timbalan Ketua Pengarah MSN, Mazlan Ahmad, berkata selama ini MSN memberi layanan yang adil kepada pesilat kebangsaan dalam soal pemberian skim hadiah kemenangan.

"Kami masih mengkaji ganjaran itu untuk diberikan kepada pesilat yang mencatat keputusan cemerlang pada Kejuaraan Silat Sedunia di Belanda, Oktober lalu.

"Selama ini, saya rasakan MSN terlalu adil dalam soal pembahagian skim hadiah kemenangan kerana ia dinilai mengikut taraf setiap kejohanan antarabangsa yang disertai oleh skuad negara," kata Mazlan sebagai mengulas bahawa MSN memberi skim itu kepada pesilat negara seumpama sagu hati.

Mazlan berkata, silat masih dalam tahap permulaan untuk diperkenalkan kepada dunia dan Kejuaraan Sedunia yang disertai belum boleh diiktiraf sebagai bertaraf dunia.

"MSN boleh memberikan ganjaran sejumlah \$80,000 kepada pesilat yang menjuarai si-



lat sedunia jika didapati kejuaran itu benar-benar bertaraf dunia," katanya, semalam.

Pada dunia lalu, Malaysia meraih dua pingat emas menerusi Ruzaidi Abdul Rahman dan Khairi Abdul Rahman, manakala Nazrah Latif, Zaleha Suradi, Ahmad Wardi Salim dan Zakaria Hamzah meraih pingat perak.

Dua tahun lalu, MSN memberi \$4,000 kepada juara Silat Sedunia '87 dan kemungkinan ganjaran sama diberikan kepada pesilat yang meraih kejayaan di Belanda lalu.

Selain itu, Mazlan meminta Pesaka agar lebih peka terhadap pemilihan pengurus skuad kebangsaan ke luar negara agar soal pengurusan lebih baik.

"Kami tidak mahu campur urusan pentadbiran Pesaka dalam pemilihan pegawai skuad kebangsaan, tetapi biarlah dikalangan orang yang boleh buat kerja dengan baik," katanya.

Mazlan berkata, MSN percaya dengan pentadbiran baru Pesaka yang diketuai oleh menteri Besar Selangor, Tan Sri Haji Muhamad Haji Muhd Taib, kejayaan pesilat negara akan cemerlang di peringkat antarabangsa.

Pesilat
perlu
banyak
& Harian (M)
pendedahan

SKUAD silat negara harus menjalani perlawanannya pendedahan sebagai persediaan menghadapi kejohanan antarabangsa pada masa akan datang, kata pengurus pasukan negara Datuk Nasir Haji Mana-

- 6 DEC 1990

Katanya, perlawanannya pendedahan itu penting kerana ku-rangnya kejohanan tempatan bagi para pemain menilai prestasi mereka.

"Lawatan dan perlawanannya persahabatan dengan negara-negara jiran patut diadakan pada masa akan datang kerana itu saja cara Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) menilai keupayaan dan mendedahkan para pesilat tanahair," katanya.

Perlawaannya pendedahan itu juga patut disenaraikan dalam program latihan Sukan SEA tahun depan jika Jawatankuasa Pengolala Sukan SEA Manila (MANSOC) menyenaraikan silat sebagai salah satu acara pada sukan itu nanti, tambahnya.

Datuk Nasir berkata, beliau juga akan mencadangkan kepada Pesaka agar menyediakan para pesilat pelapis bagi setiap kategori memandangkan sukan itu adalah sukan yang mempunyai risiko tinggi mendapat kecederaan.

"Kita tidak boleh bergantung kepada seorang pesilat saja pada setiap kategori lagi kerana mereka mungkin akan mengalami kecederaan pada peringkat awal pertandingan," tambahnya.

Seramai 12 pesilat negara akan membawa cabaran pada peringkat akhir Jumaat ini. — Bernama